

17/03/1997

Keyakinan pelabur majukan Gebeng

KUANTAN, Ahad - Pembabitan, kepercayaan dan keyakinan pelabur terhadap iklim pelaburan Malaysia membolehkan pembangunan kawasan perindustrian Gebeng dekat sini, mendapat sambutan menggalakkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pada masa ini, pembangunan kawasan perindustrian itu sudah memasuki fasa kedua.

"Tanpa pembabitan, kepercayaan dan keyakinan pelabur sudah tentu usaha berkenaan tidak berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya sempena pembukaan kilang Grace Packaging (M) Sdn Bhd dan W R Grace Specialty Chemical (M) Sdn Bhd, milik Kumpulan W R Grace & Co, dari Amerika Syarikat, pagi esok.

Menurutnya, selaras usaha kerajaan mempercepatkan proses perindustrian di negara ini, Malaysia menyambut baik langkah W R Grace & Co membesar dan mempelbagaikan operasi mereka dalam keluaran pembungkusan fleksibel, sistem dan penggunaannya di samping keluaran dan sistem bahan silika berprestasi tinggi.

Dr Mahathir yang akan merasmikan kedua-dua kilang itu berkata, sebagai satu daripada pembekal utama dunia, W R Grace & Co boleh membantu Malaysia membangunkan industri kimia terutama dalam kegiatan yang tinggi nilai tambahnya.

(END)